



30 JUN 2020

Assalamualaikum WBT.

Alhamdulillah kita sempat bertanya khabar sekali lagi dan berharap semua anak-cucu Allahyarham Hj. Mohd. Saaid Mufti sentiasa dirahmati Allah dan berada dalam keadaan sihat walafiat.

1. Aplikasi Ancestry

Syed Osman (daripada keluarga Hjh Asma), telah mengambil initiative dengan memasukkan sebahagian daripada nama-nama ahli keluarga ke dalam salahsilah keluarga melalui aplikasi Ancestry. Beberapa ahli AJK daripada keluarga masing-masing telah dihubungi untuk membantu memasukkan butiran nama-nama ahli keluarga.

Semua ahli keluarga digalakkan untuk memberi butiran terkini keluarga masing-masing kepada wakil keluarga.

2. Perkahwinan

Tiada perkahwinan.

3. Kelahiran

20.02.2020 Muhammad Aariz Saqif bin Ahmad Syamsul - Keluarga Hjh Siti Hajar

4. Kematian

21.04.2020 Rafidah Bt. Ghazi – Keluarga Hjh Mariam

5. Selamat Hari Raya Aidil Adha.

Kami ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua ahli keluarga Persatuan. Kami menasihatkan agar semua ahli keluarga berhati-hati dalam perjalanan pulang ke kampung. Jangan lupa elakkan berada di tempat 3S (Sesak, Sempit, Sembang jarak dekat) .

6. Hadiah Murid Cemerlang

Berikut adalah senarai ahli keluarga yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PT3, SPM & STPM pada tahun 2018 dan 2019. Persatuan telah memberi duit hadiah dan sijil murid cemerlang kepada setiap pemenang.

UPSR (RM150)

- i) Asya Zulaikha binti Mohamad Azlan – 6A (2019) (Keluarga Hjh Sopiah)
- ii) Airin Sofia Binti Nor Azri - 5A (2019) (Keluarga Hj Abd Hamid)
- iii) Nur Damia Aisyah Binti Anuar - 6A (2019) – Keluarga Hj Akib

PT3 (RM200)

- i) Nur Arissa Sofiya Binti Ryzarul Azlan – 9A (2019) – Keluarga Hjh Sopiah
- ii) Amar Mustaqim Bin Zulkiflee – 9A (2018) – Keluarga Hj Ahmad
- iii) Afiqah Farhana Binti Ahmad Faiz – 10A (2019) – Keluarga Hj Ahmad

SPM (RM250)

- i) Zety Aishah Binti Zaimi – 9A (2019) – Keluarga Hjh Siti Hajar

7. Berita Kesihatan

Pada hari Selasa, 21/07/2020, Siti Hajar Harun (Bibah) dari keluarga Hjh Siti Hajar telah selamat menjalani pembedahan di HUKM (Wad 5C). Mari kita bersama-sama berdoa semoga segalanya dipermudahkan dan beliau sembuh sepenuhnya.

Akhir Kata

Akhir sekali selamat maju jaya dalam urusan mengemudi arah tuju Persatuan. Diharap semua ahli keluarga sama-sama berganding bahu dengan AJK demi memajukan Persatuan Keluarga Hj. Mohd. Saaid Mufti. Sebarang berita yang ingin disampaikan dalam buletin ini sila email kepada facebook Keluarga Hj. Saaid Mufti.



Fatimah

Hj. Mahmud
Hj. Muhammad
Hj. Ahmad

Rahmah

Hjh. Sofiah
Hjh. Fatimah
Hj. Omar
Hj. Abdul Hamid

Hamidah

Hj. Mustaffa
Hj. Kassim
Hassan
Hjh. Siti Hajar
Hjh. Mariam
Hjh. Asma
Hj. Mohd. Akib
Hj. Hussein
Hj. Mansor
Hj. Nasir